

Bersanding adat Hindu

BEGITU juga adat bersanding dalam perkahwinan, jelas sekali merupakan adat Hindunya. Ada segolongan kecil di antara anak - anak muda kita sekarang tidak mahu lagi disandingkan. Walaupun ia tidak merupakan sesuatu yang bercanggah dengan hukum - hukum syarak kerana mereka sudah pun dijabkabulkan tetapi anak - anak muda ini beranggapan ia adalah bertentangan dengan hukum agama, dan yang lebih menekan jiwanya mungkin kerana terasa malu.

Satu lagi yang kurang kita sedari ialah tabiat makan sirih dan kemestian dalam adat pinang - meminang, menghormati tetamu dan lain - lain yang berkaitan dengan upacara - upacara yang tidak perlu saya tuliskan di sini kerana kita sudah banyak yang mengetahuinya tentang bagaimana pengaruhnya sirih pinang yang telah meresap dalam seni budaya Melayu.

Pantun ini sudah cukup jelas menggambarkan pengaruhnya:

'Makan sirih berpinang tidak
Pinang datang dari Melaka'



Oleh
A. Samad Idris

Makan sirih mengenyang tidak
Itu tanda budi baso'
Memakai songkok atau kupiah yang menjadi

kemestian bagi orang - orang Melayu dalam upacara - upacara tertentu adalah kita ambil dan tiru dari India yang dibawa bersama - sama dengan agama Hindu ke Asia Tenggara ini. Cuma bentuk - bentuk warna dan bahan - bahan saja yang agak berlainan. Orang - orang India ada yang memakai warna putih dan ada juga dari bulu kambing tetapi songkok orang - orang Melayu umumnya dibuat dari baldu.

Ketika agama Islam berkembang ada di antaranya yang memakai ketayap dan serban menurut cara orang - orang Arab walaupun bentuk lilit serbananya agak berlainan.

Songkok memainkan peranan dalam adat istiadat Melayu. Anak - anak muda yang bertemu dengan orang tua - tua atau menghadiri kenduri kendara di kampung - kampung lebih - lebih lagi dalam upacara beradat dianggap kurang adab kalau tidak memakai songkok lebih - lebih lagi kalau seseorang itu pergi menemui orang - orang

besar seperti datuk - datuk, apa lagi raja - raja, songkok sesuatu yang dimestikan kalau tidak akan adalah orang berbisik bahawa si anak itu kurang adab, begitulah pentingnya songkok dan peranannya dalam budaya Melayu.

Orang - orang Melayu meskipun ada pakaian untuk menutup kepala, kerana kepala bagi orang - orang Melayu adalah sesuatu yang sangat - sangat dimuliakan, orang boleh bergaduh besar kalau ada di antara mereka yang menggomeng kepala seorang lain dengan tidak tentu pasal. Begitulah pentingnya kepala sebagai satu kemuliaan, kerana itu ia seharusnya ditutup. Sebelum menggunakan songkok, orang - orang Melayu melilitkan secebis kain di kepala seperti semuntal bagi orang - orang di Kelantan dan pantai timur Semenanjung. Kalau ia diperindahkan lagi ia dipanggil destar bukan tengkolok (tengkolok tertentu untuk pakaian perempuan) dalam sejarah Melayu dan sejarah Hang Tuah jelas perkataan destar ini digunakan.

SIRI KETUJUH